



KENANGAN: Kasim mengambil gambar kenangan bersama graduan dan penyelia.

MAP 2022 raih graduan pascasiswazah UMS

UB 12.12.2022 P.02

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Majlis Anugerah Pascasiswazah (MAP) 2022 bagi meraikan graduan pascasiswazah sempena Majlis Kovokesyen UMS ke-24, di sini.

Majlis yang anjuran Pusat Pengajian Pascasiswazah dengan kerjasama Pusat Luar UMS (PLUMS) itu dirasmikan Naib Canselor UMS Datuk Kasim Mansor.

Kasim berkata, sejajar dasar kerajaan yang lebih telus ke-

pada kehendak dan aspirasi rakyat, semua institusi pengajian tinggi termasuk UMS akan disemarakkan dengan suasana persekitaran kampus baharu.

Katanya, ia adalah budaya pendidikan yang beralaskan kepada memupuk rasa kecintaan dan pemeraksanaan sikap hormat menghormati.

“Ia juga dapat meningkatkan kegembiraan samada pihak pelanggan iaitu pelajar dan masyarakat, mahupun dalam kalangan pentadbir serta pemsyarah.

“Dengan kata lain, pen-

dekatan seperti inilah yang akan menjadikan perjalanan menuntut ilmu itu menyeronokkan walaupun mencabar,” katanya.

Menurutnya, penuntut pascasiswazah mempunyai kelebihan tersendiri dalam menamatkan pengajian masing-masing.

“Pastinya, kejayaan memperoleh ijazah di pentas Kovokesyen kali ini disebabkan graduan mempunyai pelan pengajian yang sistematik, terarah dan berfokus.

“Segala yang telah graduan lalui selama ini bukan se-

mata-mata mengenai soal menamatkan pengajian dan dikurniakan segulung ijazah, tetapi ia adalah pengalaman untuk mencapai kecemerlangan,” katanya.

Turut hadir, Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS, Rossita Shapawi dan Pengarah Pusat Luar UMS, Lim Thien Sang

Untuk rekod, seramai 427 graduan pascasiswazah diraikan merangkumi peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Doktor Perubatan Kesihatan Awam dan Diploma pascasiswazah.